energy, swelling resistance in toluene and oil, and thermal stability, all increased with increasing sulphur concentration, but elongation at break exhibited the opposite trend. Dynamically vulcanized PVCv/PVCr/NBR also showed poor ageing resistance at 70°C for 168 hours. Scanning electron microscopy (SEM) examination of the tensile fracture surfaces of PVCv/PVCr/NBR blends indicated that a higher energy is needed to cause catastrophic failure as the sulphur concentration increased. The presence of various compatibilizers such as maleic anhydride (MAH), acrylic acid (AAc) and maleic acid (MAc) in PVCr/NBR blends have increased stabilization torque, mechanical energy, tensile strength, stress at 100% elongation and glass transition temperature but lowered the elongation at break (E_b), ageing resistance and thermal stability compared to PVCr/NBR blends without compatibilizers. The scanning electron microscopy (SEM) study of tensile fracture surfaces of the blends indicated that the presence of various compatibilizers increased interfacial interaction between PVCr and NBR phases is better interaction with many tear lines. However, at a similar blend composition, the effects of various compatibilizer and dynamic vulcanization of PVCr/NBR blends showed mechanical properties (tensile strength, stress at 100% elongation and elongation at break), swelling resistance and thermal stability that were superior to PVCr/NBR blends only subjected to the addition of compatibilizers. SEM examination of the tensile fracture surfaces showed that crosslinked blends could be strained higher than blends without crosslink. The addition of maleic anhydride (MAH) to PVCr/NBR blends improved the tensile strength, swelling resistance and thermal stability better than the addition of acrylic acid (AAc) and maleic acid (MAc). However, at a similar blend ratio, the presence of maleic acid (MAc) increased the stress at 100% elongation and elongation at break of blends. Results from FTIR studies revealed that interaction adhesion in PVCr/NBR blends with the addition of compatibilizer. This is a direct evidence of the nature of specific intermolecular interaction between PVCr with NBR phases. Scanning electron microscopy (SEM) examination of the tensile fracture surfaces of blends indicates that interaction

adhesion between PVCr-MAH-NBR improved compatibility with many tear lines and more homogeneous blends than PVCr/NBR + MAc and PVCr/NBR + AAc blends. Rheological studies involving the Haake Rheometer were used to evaluate the effect of compounding parameter on the rheological properties of the blends. Rheological properties of blends where PVCv was partially replaced by PVCr in the PVCv/PVCr/NBR blends showed that the apparent viscosity, torque, activation energy and shear stress increased with increasing the PVCr content of the blends. In dynamically vulcanized PVCv/PVCr/NBR blends, the shear stress, torque and apparent viscosity are found to increase with increasing sulphur concentration. Effect of dynamic vulcanization of blends exhibited pseudoplastic and strong non-Newtonian flow. The presence of maleic anhydride and maleic acid in PVCr/NBR (50/50) blends increase apparent viscosity and decrease activation energy, E_a more than PVCr/NBR + AAc blends. At a similar shear rate, dynamically vulcanized PVCr/NBR + MAH and PVCr/NBR + MAc blends showed higher the E_a than dynamically vulcanized PVCr/NBR + AAc. For rheological properties were found that increase in cross-link density impeded flow although this effects is absent at higher shear rate and shear stress. As typical polymeric liquids, the PVCr/NBR melts are pseudoplastic in nature ($n < 1$) and they also show non-Newtonian behaviour.

BAB 1

PENDAHULUAN DAN TINJAUAN PERPUSTAKAAN

1. 1 Pendahuluan

1. 1. 1 Pengitaran Semula Plastik

Poli(vinil klorida) (PVC) adalah satu daripada jenis poliolefin, seperti polipropilena (PP), polietilena (PE), dan polistirena (PS). PVC merupakan salah satu bahan polimer yang banyak digunakan daripada pelbagai jenis plastik dan dihasilkan lebih daripada 50 tahun yang lalu. Poli(vinil klorida) terbahagi kepada dua iaitu PVC kaku (60%) dan PVC lentur (34%) telah digunakan di dalam industri reka bentuk dan bangunan (52%), pembungkusan makanan (17%), elektrik (9%), automotif (3%), dan pakaian (3%) (**Brebu *et al.*, 2000**).

Selain itu, PVC juga dapat digunakan di dalam pembuatan bahan-bahan keperluan setiap hari antaranya, paip, perabot, tingkap, kepingan tipis, botol, kabel, dan bahan untuk lantai. Walaupun penggunaan dan penghasilan bahan plastik telah berkembang mengikut perkembangan teknologi pada masa ini, pembuangan plastik-plastik tersebut telah menimbulkan masalah yang serius terhadap persekitaran. Penggunaan semula plastik telah berkembang sehingga keperolehan plastik dalam bentuk campuran dengan plastik lain sebagai bahan tahan api, botol, kabel dan sebagainya. Pirolisis PVC dapat menghasilkan hidrokarbon terklorinasi, yang hampir sama seperti sebatian klorobenzena, poliklorinasi dibenzodioxin, dibenzofuran, dan bifenil yang merupakan bahan-bahan yang sangat berbahaya (toksik).

Pelbagai kajian telah dibuat untuk pengitaran semula plastik. **Paci dan La Mantia** (1999) mengkaji tentang kesan penambahan PVC di dalam poli(etilena tereptalat) kitar semula. Mereka melaporkan bahawa kesan penambahan PVC dengan

kandungan tidak lebih 100 ppm dapat mengurangi degradasi dan poliester terklorinasi (PET).

Brebu et al. (2000) pula telah mengkaji sifat penuaan PVC untuk kabel elektrik. Mereka melaporkan bahawa PVC kitar semula mempunyai berat molekul yang lebih besar jika dibandingkan dengan PVC baru dan kestabilan termalnya adalah mengikut turutan kitar semula jaket PVC < kitar semula kabel elektrik PVC < PVC baru < kabel PVC baru. Selain daripada itu **Camacho** dan **Karlsson** (2002) telah mengkaji sifat termal dan kestabilan termal daripada adunan kitar semula PP/HDPE. Mereka melaporkan bahawa adunan kitar semula PP/HDPE adalah tidak serasi, mekanisme oksidasi PP dan HDPE pada fasa yang sama adalah berbeza dan HDPE mengalami oksidasi bermula pada fasa permukaan PP-HDPE.

Keinginan untuk meneliti dan mengkaji tentang adunan kitar semula telah dilaporkan oleh **Bertin** dan **Robin** (2002). Mereka melaporkan bahawa adunan kitar semula PP/LDPE menggunakan pelbagai pembolehserasi seperti etilena-propilena-diena monomer (EPDM), etilena-propilena-kopolimer (EPM), dan PE-g-poli (2 metil-1, 3 butadiena) dapat meningkatkan sifat-sifat mekanik dan kekuatan hentaman adunan PP/LDPE.

1. 1. 2 Keperluan Untuk Penggunaan Semula

Peningkatan bahan-bahan buangan plastik sangat banyak dan begitu ketara daripada industri dan perbandaran. Bahan-bahan buangan plastik tidak akan mengalami biodegradasi dan ini menjadi sebab utama berlakunya pencemaran persekitaran yang serius sampai pada saat ini (**Bisio** dan **Xanthos**, 1994). Sifat elastomer termoplastik yang boleh melebur pada suhu tinggi dapat mengurangkan skrap dan sisa-sisa buangan melalui pengitaran semula.

Hasil sampingan penghasilan daripada industri pemrosesan dapat diguna semula untuk pengeluaran produk dalam kilang yang sama (**Jansson et al.**, 2003 & 2004). Sepertimana penggunaan semula dan pemrosesan mana-mana buangan, terdapat dua masalah utama yang perlu untuk dipertimbangkan,

1. penggumpalan produk kepada kawasan buangan yang tertentu
2. keperluan apa yang harus dilakukan terhadap produk buangan

Akhir-akhir ini, pertumbuhan sangat pesat dalam pengeluaran pukal polimer dan penggunaannya dalam industri plastik telah diperhatikan. Pelbagai usaha berterusan telah dijalankan untuk meningkatkan mutu bahan berasaskan elastomer termoplastik dan memanjangkan hayat operasinya. Sifat fizik dan mekanik berasaskan polimer dan komponen lain, hanya mengalami sedikit perubahan sahaja daripada ciri-ciri asalnya. Maka usaha untuk teknik penggunaan semula tanpa degradasi dalam kualiti adalah penting. Antara yang berguna adalah penggunaan semula bahan berasaskan polimer daripada partikel plastik dan getah yang telah digunakan.

Pelbagai kajian telah dibuat untuk menggunakan semula sisa polimer. **Ismail dan Suryadiansyah** (2002) melaporkan tentang sifat-sifat adunan serbuk getah kitar semula/ polipropilena. Penggunaan getah kitar semula diadunkan dengan PP dapat meningkatkan sifat-sifat mekanik dan ketahanan pembengkakan terhadap minyak dan toluena jika dibandingkan dengan adunan getah asli/polipropilena.

Selain itu, **Hope et al.** (1994) telah mengkaji kesan pengserasi untuk meningkatkan sifat-sifat mekanik pada polietilena kitar semula. Hasil penyelidikan mereka mendapati bahawa etilena propena (EP) dan stirena-etilena butena-stirena (S-EB-S) telah meningkatkan kekuatan tensil dan kekuatan hentaman di dalam adunan LDPE/PP dan HDPE/PP. **Jakslund et al.** (2000) telah melaporkan teknologi baru dalam pengolahan PVC kitar semula. Hasil kajian mereka mendapati bahawa PVC kitar semula dapat dibuat menjadi PVC baru dengan cara memisahkan komponen-

komponennya. Pemisahan komponen-komponen PVC kitar semula untuk memperolehi PVC baru menggunakan peralatan yang direkabentuk secara bersendirian. **Phadke et al.** (1983) melaporkan tentang pemvulkanan getah dapatan semula diadunkan dengan getah baru, sehingga dapat ditingkatkan kebolehprosesan, kekakuan dan sifat fizikal getah tersebut. **Elmaghor et al.** (2003) menggunakan penyinaran tenaga tinggi dan pengserasi pada adunan HDPE kitar semula/poli(vinil klorida) (PVC)/polistirena (PS). Didapati kehadiran penyinaran dengan tenaga tinggi dan pengserasi telah meningkatkan keseragaman dan ikatan sambung silang di dalam adunan HDPE kitar semula/PVC/PS.

1. 2 Kepentingan Adunan

Secara amnya, terdapat beberapa sebab yang berkaitan dan perlu diambil kira untuk menggambarkan betapa pentingnya pembuatan adunan polimer dalam industri masa kini. Untuk menghasilkan produk polimer, bahan dengan kos yang rendah dengan sifat-sifatnya menepati spesifikasi, pengilang-pengilang pastinya akan menggunakan bahan tersebut untuk mengekalkan saingan bagi produk mereka.

1. 2. 1 Kepentingan Ekonomi

Para pengilang amat mengutamakan kepentingan ekonomi dalam menghasilkan suatu produk dimana sekiranya sesuatu bahan dapat dihasilkan dengan kos yang rendah tanpa menjejaskan sifat-sifat bahan tersebut, maka bahan itu akan dapat bersaing di pasaran. Gabungan bahan polimer yang sedia ada menunjukkan keberkesanan kos yang tinggi berbanding dengan penghasilan bahan baru seperti bahan elastomer termoplastik (**Ismail**, 2000; **Ultracki**, 1990; **Bisio** dan **Xanthos**, 1994). Kepentingan ekonomi bahan elastomer termoplastik adalah :

1. Tiada penyebatian
2. Senang diproses

3. Masa kitaran dikurangkan
4. Pengitaran semula skrap
5. Penggunaan tenaga rendah
6. Kualiti produk ditingkatkan
7. Ketumpatan bahan menurun
8. Kos bahagian-bahagian tertentu dapat dikurangkan

1. 2. 2 Kepentingan Penggabungan Sifat-Sifat

Penggabungan polimer yang berlainan secara langsungnya menghasilkan penggabungan sifat-sifat yang unik. Penggabungan polimer memberikan kelebihan untuk menghasilkan bahan yang senang diproses dengan gabungan sifat-sifat fizikal dan reologi yang tidak wujud dalam satu polimer. Seseengah sifat adalah sukar untuk diperolehi secara langsung, jadi kaedah penggabungan selalunya digunakan untuk memperolehi sifat-sifat yang diperlukan (**Ultracki**, 1990).

1. 3 Elastomer Termoplastik

1. 3. 1 Pengenalan

Elastomer termoplastik (ETP) merupakan bahan yang mempunyai ciri-ciri elastomer pada suhu bilik dan pemprosesan termoplastik pada suhu tinggi. Beberapa kepentingan elastomer termoplastik dalam industri diantaranya kepentingan ekonomi, penggabungan sifat-sifat dan kesedaran terhadap alam sekitar. Ia dapat dibahagikan kepada beberapa jenis (**Walker**, 1987; **Whelan & Lee**, 1983) .

1. Polimer dengan struktur stereonalar dan darjah penghabluran yang terkawal
2. Ko-polimer blok dengan suatu segmen termoplastik yang keras dan suatu bergetah yang lembut
3. Adunan getah dan plastik.


ETP boleh diproses dengan kaedah biasa seperti pengestrudan, pengacuanan suntikan, pengacuanan tiupan, Brabender Plasticorder, Haake Rheomix dan lain-lain (**Walker & Rader, 1998**).

Menurut **Ebewele** (2000) elastomer termoplastik tidak mempunyai sambung silang yang kekal dalam elastomer yang telah dimatangkan. Sebaliknya, ciri elastomerik merupakan faktor struktur domain lentur guna untuk membentuk struktur rangkaian. Struktur domain tersebut adalah berasaskan blok ko-polimer, iaitu blok mengandungi rantai polimer yang lebih panjang dan fleksibel secara relatif (segmen lembut), manakala satu blok yang lain terdiri daripada molekul polimer kaku (**Ehrenstein, 2001**). Peralihan daripada leburan yang boleh diproses kepada elastomer keras adalah lebih cepat dan berbalik.

Skrap yang terhasil semasa pemprosesan boleh dijadikan butiran dan digunakan kembali secara adunan dengan bahan baru tanpa kehilangan sifat-sifat fizikal yang ketara. ETP terdiri daripada rantaian molekul yang mengandungi segmen-segmen lembut dan keras. Kedua segmen ini tidak menunjukkan keserasian dan setiap satunya berfungsi sebagai fasa individu. Segmen lembut mempunyai sifat lentur, amorfus dan mempunyai suhu peralihan kaca yang lebih rendah. Manakala segmen keras mempunyai takat lebur yang tinggi dan cenderung membentuk agregat pada suhu bilik, iaitu membentuk domain tegar yang bertindak sebagai sambung silang fizikal (**Ismail, 2000**).

Apabila ETP dipanaskan kepada suhu pemprosesan, daya lemah antara molekul yang memegang segmen-segmen keras akan dimusnahkan. Kesannya bahan ETP akan mempamerkan sifat-sifat yang sama seperti bahan termoplastik lazim dan ia boleh diproses menggunakan peralatan yang sama seperti yang digunakan untuk memproses bahan termoplastik. Apabila disejukkan, segmen

keras akan bergabung kembali untuk membentuk domain tegar dan ini akan mempunyai sifat-sifat elastomer kembali. Segmen lembut dan segmen keras pada struktur ETP ditunjukkan pada Rajah 1. 1.



Rajah 1. 1: Segmen lembut dan segmen keras pada struktur ETP

Beberapa kelebihan elastomer termoplastik (ETP) (Elliott, 1981; Parr, 1987; Tinker, 1987) ialah :

1. Elastomer termoplastik dapat diproses seperti termoplastik pada suhu pemrosesan yang sesuai tanpa penggunaan agen pemvulkanan dengan peralatan pemrosesan termoplastik, manakala sifat-sifat keterlenturan, kekenyalan dan resiliens bagi getah dapat dikekalkan pada suhu normal.
2. Sifat-sifat polimer dapat diperbaiki.
3. Sifat-sifat termoplastik dapat diubahsuai dengan komposisi polimer yang digunakan.
4. Masalah-masalah pemrosesan dapat dikurangkan. Misalnya dalam adunan getah dengan poliolefin, kehadiran sedikit sambung silang dalam fasa getah memperbaiki sifat-sifat aliran, pengecutan acuan dan permukaan hasilan teracuan.

5. Sisa dan baki pengacuanan boleh dikitar semula.
6. Elastomer termoplastik dapat mengurangkan kos pengeluaran tambahan, selain daripada itu mempunyai sifat-sifat yang istimewa.

Selain kelebihan yang dimiliki oleh ETP, ia juga mempunyai beberapa kekurangan (Ismail, 2000) iaitu :

1. Penggunaan ETP secara komersil masih lagi terbatas kerana teknologi pemrosesannya adalah baru dan tidak biasa bagi ahli-ahli pemrosesan getah konvensional seperti percampur dalaman, penggiling bergulung dua, reometer, penekan panas, Mooney viscometer dan lain-lain.
2. Sebelum pemrosesan, komponen-komponen ETP perlu dikeringkan terlebih dahulu. Langkah ini tidak dilakukan dalam pemrosesan lazim.
3. Kebanyakan ETP yang terdapat secara komersil mempunyai nilai kekerasan melebihi daripada 80 Shore A. Jadi untuk penghasilan produk dengan kekerasan yang lebih rendah penggunaan ETP adalah terbatas.
4. ETP mudah lebur pada suhu tinggi terutama lebih daripada 70⁰C. Kekurangan ini menghalang penggunaan ETP dalam penghasilan produk yang perlu pendedahan seketika kepada suhu yang melebihi suhu peleburannya.

1. 3. 2 Pengelasan Elastomer Termoplastik

Secara komersil, elastomer termoplastik boleh dibahagikan kepada dua kumpulan yang utama iaitu ko-polimer blok yang terdiri daripada rantai-rantai molekul domain keras dan lembut dan elastomer yang berazaskan olefin. Pelbagai ETP ko-polimer blok adalah :

1. Ko-polimer blok poliuretana-elastomer
2. Ko-polimer blok polistirena-elastomer
3. Ko-polimer blok poliester-elastomer
4. Ko-polimer poliamida-elastomer


Elastomer termoplastik ko-polimer ini disediakan melalui tindak balas kimia yang mana ikatan-ikatan kimia terbentuk di antara fasa lembut dan fasa keras. Manakala aloi elastomer berasaskan olefin disediakan melalui pengadunan secara fizikal dengan partikel getah termatang dan tersebar di dalam matriks poliolefin.

1. 3. 2. 1 Aloi Elastomer

Aloi elastomer ialah adunan getah dengan plastik di mana komponen getah divuliskan secara dinamik melalui dua cara. Cara pertama melibatkan fasa getah divuliskan sepenuhnya secara *in-situ* untuk menghasilkan vulkanizat termoplastik (TPV) yang juga dipanggil sebagai aloi elastomer. Manakala cara kedua mengandungi fasa leburan pemrosesan getah yang tunggal dimana sebahagian fasa getah telah disambung-silangkan secara *in-situ*.

1. 3. 2. 2 Ko-polimer Blok Poliuretana-Elastomer

Poliuretana termoplastik merupakan elastomer termoplastik komersil yang pertama dengan morfologi ko-polimer blok yang sama seperti stirenik dan kopoliester. Struktur umumnya adalah -A-B-A-B-, di mana A mewakili blok berhablur keras yang diterbitkan daripada sambungan rantai diisosiyanat dengan glikol. Blok lembut pula diwakili oleh B dan diterbitkan semada daripada poliester atau polieter. Segmen lembut dan segmen keras daripada ko-polimer blok poliuretana ditunjukkan di dalam Rajah 1. 2 (Ehrenstein 2001; Ning *et al.*, 1996). Sambungan uretana dalam segmen keras berupaya membentuk ikatan hidrogen secara intra dan intermolekul. Ikatan hidrogen ini meningkatkan penghabluran fasa keras dan mempengaruhi sifat mekanik seperti kekerasan, modulus dan kekuatan cabikan (Ehrenstein, 2001). Poliuretana termoplastik mempamerkan sifat-sifat yang unggul seperti rintangan lelasan yang sangat baik, kekuatan tensil dan pemanjangan yang tinggi.




Rajah 1. 2 : Struktur ko-polimer blok poliuretana

Sifat semulajadi segmen lembut dalam TPU menentukan kelakuan elastik dan prestasi pada suhu rendah. Blok lembut poliester memberikan rintangan yang sangat baik terhadap bendalir tidak polar, kekuatan cabikan tinggi dan rintangan terhadap lelasan. Manakala blok lembut polieter memberikan sifat resiliens yang unggul, stabil terhadap hidrolitik dan termal. TPU boleh diproses dengan menggunakan pengacuanan suntikan, pengestrudan dan pengacuan tiupan. Suhu pemprosesan biasanya di dalam julat 350-430⁰C dan bergantung pada jenis dan rekabentuk mesin pemprosesan. Aplikasi TPU banyak terdapat dalam bidang-bidang automobil, sukan, penglitupan fabrik dan penggunaan dalam bioperubatan.

1. 3. 2. 3 Ko-polimer Blok Polistirena-Elastomer

Ko-polimer blok stirena termoplastik mempunyai formula umum S-E-S, yang mana S mewakili blok polistirena dan E mewakili blok elastomer. Segmen diena yang lembut (E), lazim digunakan adalah polibutadiena. ETP jenis ini berkecenderungan untuk membentuk dua fasa terasing yang ketara dan menunjukkan dua suhu peralihan kaca bagi setiap komponen yang berkenaan. ETP ini juga akan membentuk suhu jaringan hasilan daripada pengikatan segmen elastomer yang lentur. Dalam struktur jaringan ini, domain polistirena bertindak sebagai kawasan sambung

silang dan partikel pengukuh. Ko-polimer stirena-butadiena-stirena ditunjukkan di dalam Rajah 1. 3 (Ehrenstein, 2001).




Rajah 1. 3 : Struktur ko-polimer daripada SBS

Ko-polimer blok stirena dapat dihasilkan melalui kaedah pempolimeran anionik homogen dengan menggunakan monomer stirena dan butadiena. Sifat-sifat kekuatan tensil, modulus, kekerasan, dan sifat mekanik yang lain dikawal oleh faktor seperti berat molekul, nisbah monomer, struktur polimer dan sebagainya. Perubahan dalam parameter-parameter ini juga akan mengubah morfologi dan saiz domain. Sifat-sifat tertentu yang dikehendaki dalam ko-polimer blok stirena boleh didapati melalui pencampuran. Kesan penambahan ramuan-ramuan ke atas sifat-sifat fizikal elastomer termoplastik ini diringkaskan oleh Wilder (Bhowmick & Stephen, 1988). Penggunaan tipikal bagi ko-polimer blok S-B-S dan S-I-S adalah perekat, tapak kasut, hos, kedap dan penglitup.

1. 3. 2. 4 Ko-polimer Blok Poliester-Elastomer

Elastomer termoplastik poliester adalah ester kopoliester bersegmen yang dibentuk daripada transesterifikasi leburan dimetil tereftalat. Segmen keras merupakan tetrametilena tereftalat, sementara segmen lembut adalah polialkilena eter glikol tereftalat amorfus. Segmen keras yang panjang bertindak sebagai sambung

silang, menghablur dan mengikat segmen lembut untuk membentuk satu jaringan. Jaringan ini dapat mempamerkan sifat-sifat seperti elastomer lazim yang tersambung silang (**Bhowmick & De**, 1990). Penghasilan elastomer poliester melibatkan penggunaan dimetil tereftalat, poli(tetrametilena eter) glikol dan 1, 4-butanadiol. Rajah 1. 4 menunjukkan struktur blok poliester daripada polibutilena teraftalat.



Rajah 1. 4 : Struktur ko-polimer blok poliester daripada polibutilena teraftalat


Elastomer termoplastik poliester ini mempunyai rintangan yang baik terhadap bendalir seperti hidrokarbon, larutan garam akues dan organik berkutub. Tetapi ia mudah terhidrolisis dalam asid dan bes yang disebabkan oleh kehadiran linkej ester pada tulang belakang polimer. Sifat keelastikan ETP menyumbang kepada rintangan yang baik, histeresis yang rendah, rintangan fatig lentur tinggi dan krip serta set mampatan yang rendah. Penggunaan utama ko-polimer poliester elastomer adalah dalam bidang barangan untuk sukan musim sejuk, hos hidraulik bertekanan tinggi, penyalut kabel besi dan lain-lain.

1. 3. 2. 5 Ko-polimer Blok Poliamida-Elastomer

Ko-polimer blok poliamida seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1. 5 merupakan ETP baru dan berprestasi tinggi (**Farrissey & Shah**, 1988; **Ehrenstein**, 2001). Segmen lembut dan keras bagi ETP disambung silangkan oleh linkej amida. Linkej ini mempunyai rintangan terhadap serangan kimia yang baik berbanding dengan ikatan ester atau uretana. Hal ini menyebabkan rintangan kimia atau suhu bagi

poliamida elastomer adalah lebih tinggi berbanding dengan poliuretana atau elastomer termoplastik poliester.

Blok keras dan lembut memainkan peranan dalam menentukan ciri-ciri poliamida. Segmen lembut yang boleh terdiri daripada rantaian poliester memberikan sifat yang berbeza. Sifat-sifat yang lebih baik pada suhu rendah dan rintangan terhadap hidrolisis boleh diperolehi dengan rantaian poliester. Manakala rantaian poliester dalam segmen lembut memberikan rintangan bendalir dan rintangan oksida pada suhu tinggi yang lebih baik. Takat lebur dan prestasi pada suhu tinggi pula akan ditentukan oleh segmen keras. Dengan pengikatan kadaran bagi segmen keras, maka kekerasan, modulus dan rintangan terhadap bendalir seperti bahan api hidrokarbon, minyak dan gris turut meningkat. Akan tetapi rintangan terhadap air dan larutan akues merosot dengan peningkatan suhu. Suhu pemrosesan bagi poliester elastomer adalah lebih tinggi berbanding elastomer termoplastik yang lain iaitu sekitar 200-290°C. Proses pengeringan pada suhu 80-110°C selama 4-6 jam adalah penting untuk poliester yang bersifat higroskopik. Ko-polimer blok poliester elastomer banyak digunakan dalam bidang pembuatan hos, tiup, gasket dan penutup perlindungan yang digunakan pada suhu tinggi dan persekitaran yang agresif.



Rajah 1.5 : Struktur poliamida 66

1. 4 Asas-Asas Pencampuran

Secara amnya, pencampuran polimer yang mempunyai berat molekul tinggi dan merupakan suatu sistem penyebatian, maka kecenderungan untuk membentuk suatu adunan yang tidak serasi adalah tinggi. Namun demikian, kemungkinan berlakunya pembauran antara molekul tetap wujud apabila molekul polimer bersentuhan. Untuk memahami suatu adunan, konsep atau prinsip-prinsip termodinamik asas pencampuran sistem berbagai fasa, terutama sekali aspek-aspek kelarutcampuran, keserasian dan sebagainya perlu diperjelaskan (**Paul**, 1978).

1. 4.1 Keserasian

Ungkapan keserasian membawa makna yang sinonim dengan kelarut campuran dan kedua-duanya ditemui saling boleh ditukar penggunaannya. Dalam hal penggunaan teknologi, keserasian pula dikaitkan dengan mudah atau senang fabrikasi, peningkatan atau gabungan sifat-sifat asal bagi dua polimer dalam satu adunan walaupun mungkin tidak larutcampur secara termodinamik (**Krause**, 1978; **Paul**, 1978).

Ultracki, (1990) telah melaporkan bahwa satu adunan serasi sebagai satu bahan yang dalam penggunaannya menunjukkan campuran polimer yang menarik secara komersial dari segi sifat-sifat, penggunaan dan sebagainya. Satu adunan dianggap serasi apabila dicampurkan tidak mempamerkan ciri-ciri pemisahan yang nyata dihasilkan (**Fox dan Allen**, 1985; **Paul**, 1978).

Satu campuran yang serasi selalunya dikatakan homogen atau seragam dan menunjukkan peningkatan sifat-sifatnya berbanding dengan komponen-komponennya masing-masing. Adunan dikatakan mempunyai darjah keserasian tertentu jika ia tidak

mempamerkan ciri-ciri pemisahan fizikal yang nyata dan memberikan sifat-sifat yang baik.

Polimer-polimer yang menunjukkan larutcampur separa atau yang rendah mempunyai perekatan antara fasa yang baik. Untuk meningkatkan keserasian daripada sistem yang tidak terlarutcampur (*immiscible*), adalah perlu untuk meningkatkan kelarutcampuran iaitu dengan merendahkan tegangan antaramuka melalui penggunaan bahan pengserasi (**Olabisi dan Farriham**, 1979; **Hopfenberge dan Paul**, 1978). Pelbagai kaedah boleh digunakan dalam mengkaji keserasian polimer (**Zawawi**, 1995; **Swapan Saha**, 2001; **Varughese dan De**, 1989). Kaedah-kaedah yang biasa digunakan dalam mengkaji keserasian polimer adalah kelikatan campuran polimer dalam larutan dan dalam bentuk pukal, kekuatan tensil, pemanjangan pada takat putus, morfologi, degradasi oksidatif termal bagi campuran polimer dan ketumpatan polimer.

1. 4. 2 Kelarutcampuran

Kelarutcampuran adalah untuk menerangkan fasa tunggal suatu adunan polimer. Kelarutan (*solubility*) adalah lebih tepat digunakan berbanding dengan keserasian dalam menerangkan pencampuran bahan-bahan dalam adunan polimer. Walau bagaimanapun, kelarutcampuran adalah sesuai digunakan dalam mempertimbangkan pasangan polimer yang akan digabungkan. Ini disebabkan penglibatan saiz yang besar, berat molekul yang besar, kepolaran dan faktor-faktor yang lain.

Beberapa cara umum seperti suhu peralihan kaca (T_g), sifat kejernihan optik dan resonans nuklear magnetik (NMR) dapat digunakan untuk menentukan sama ada adunan itu terlarutcampurkan atau sebaliknya. **Paul dan Barlow**, (1979) telah melaporkan sejak teknologi adunan diperkenalkan, lebih 400 adunan yang terlarutcampurkan telah dihasilkan dan kebanyakannya telah dikomersilkan. Walau

bagaimanapun, hanya beberapa adunan yang benar-benar terlarutcampurkan hingga telah dikomersilkan seperti poli(vinil klorida)/butadiena akrilonitril, poli(vinil klorida)/getah epoksida, dan poli(vinil klorida)/kloroprena (**Ratnam & Zaman, 1999a & 1999b; Ishiaku *et al.*, 1999; Swapan Saha, 2001**).

Kepentingan maklumat tentang kelarutcampuran polimer, bukan hanya terbatas untuk menghasilkan adunan larutcampur komersil. Akan tetapi ialah untuk mengenal pasti serta mempelajari modifikasi adunan dan mempertimbangkan sifat-sifat seperti kekuatan hentaman, kekuatan tensil, kestabilan termal, penghabluran dan sebagainya.

1. 4. 3 Keserasian Termodinamik

Bagi dua polimer yang serasi sepenuhnya sehingga ke peringkat molekul, proses pencampuran mesti menghasilkan pengurangan dalam tenaga Gibbs, ΔG_m .

$$\Delta G_m = \Delta H_m - T\Delta S_m \quad (1. 1)$$

Persamaan ini menghubungkan perubahan tenaga bebas pencampuran Gibbs, ΔG_m , entalpi, ΔH_m , dan entropi, ΔS_m (**Fried, 1995**). Entalpi, ΔH_m bergantung kepada tarikan atau tolakan antara dua polimer. Molekul yang berlainan cenderung menolak antara satu dengan lainnya. Oleh kerana itu, ΔH_m lazimnya adalah bernilai positif iaitu menunjukkan polimer tidak gemar bercampur. Entropi, ΔS_m bergantung kepada kerawakan yang berlaku semasa pemrosesan.

Molekul polimer yang besar menghasilkan kerawakan yang sederhana dalam pencampuran dan ini adalah tidak mencukupi untuk mengatasi tolakan antara molekul yang berlainan (ΔH_m). Sehingga, kebanyakan polimer adalah tidak serasi secara termodinamik dan terpisah kepada dua atau lebih fasa mikro (**Deanin & Manion, 1999**). Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi keserasian termodinamik dalam adunan polimer, iaitu :

1. Kepolaran
2. Berat molekul
3. Ko-penghabluran (*co-crystallization*)
4. Tarikan kumpulan spesifik
5. Nisbah adunan

Dalam kajian ini, tumpuan diberikan kepada faktor kepolaran. Jika dua polimer mempunyai kepolaran yang sama, ini akan mengurangkan tolakan antara bahan polimer (iaitu ΔH_m dan membenarkan kerawakan berlaku, ΔS_m) dan cenderung serasi secara termodinamik (**Deanin & Manion**, 1999). Untuk dua polimer yang serasi, ΔH_m yang diperoleh adalah bernilai negatif, kosong atau positif sedikit. Jika ΔH_m bernilai positif yang besar, komponen adunan akan terpisah kepada dua fasa yang berlainan (**Ebewele**, 2000).

1. 4. 4 Kaedah Penyebatian

Penyebatian bertujuan untuk mencapai kecerunan kepekatan dan seterusnya sifat-sifat tertentu sama ada fizikal, kimia, termal, optik dan lain-lain. Apabila sampel-sampel yang sangat kecil dikeluarkan atau diambil secara rawak serta dicirikan, ia akan memberikan sifat yang sama bagi setiap komponen adunan. Kebanyakan produk plastik bukannya polimer asli, tetapi campuran polimer asas dengan pelbagai bahan tambah (aditif) seperti pigmen, pelincir, penstabil, anti oksidan, perencat nyala, agen penguatan, pengisi, penserasi dan sebagainya.


Sifat dan fungsi bahan tambah tersebut memberikan peranan penting dalam menentukan kaedah penyebatian. Oleh kerana itu, proses pencampuran memerlukan peralatan yang istimewa dan pertimbangan ciri rekabentuk yang sepadan untuk memenuhi justifikasi sebagai salah satu langkah permulaan dalam proses polimer (**White**, 1989; **Cheremisinoff**, 1987; **Mathew**, 1982).

Peretakan halus merupakan mekanisme utama bagi penguatan buat masa sekarang. Tetapi **Bucknall et al.**, (1987) melaporkan bahawa peretakan halus bukan sentiasa merupakan mekanisme dominan bagi kecacatan, sebagai contohnya adalah peretakan alah yang lebih penting dalam ABS daripada HIPS. Manakala adunan PVC terubah suai getah tidak mempamerkan peretakan halus ke atas ujian hentaman (**Bucknall**, 1983).

1.5 Poli(vinil klorida) (PVC)

1.5.1 Pengenalan

PVC adalah bahan yang separa sindiotaktik dengan ketaksekatan struktur yang cukup menyebabkan keahablurannya agak rendah. Pencirian struktur rumit disebabkan oleh kemungkinan berlakunya pencabangan rantai dan kecenderungan polimer tersebut untuk bersekutu dalam larutan. PVC berstruktur seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 1.6 (**Kok dan Poh**, 1987).



Rajah 1.6 : Struktur PVC

1.5.2 Sifat-Sifat PVC (**Andreas**, 1987)

Sifat-sifat poli(vinil klorida) (PVC) amat bergantung kepada berat molekulnya. PVC merupakan suatu polimer linear ataupun suatu termoplastik. Kehadiran atom Cl telah menyebabkan interaksi antara rantai bertambah, sehingga kekuatan dan kekakuannya dapat ditingkatkan. Sifat ketegaran dan fleksibilitinya yang berjulat besar pula mengakibatkan sangat mudah untuk menerima bahan-bahan penyebatan yang lain. Kepolaran atau kekutuban yang disebabkan oleh atom Cl berfungsi untuk meningkatkan rintangan terhadap pelarut yang tidak berkutub dan keterlarutannya

adalah amat rendah. Kelemahan utama PVC ialah kestabilan termalnya sangat terbatas.

1. 5. 3 Kestabilan dan Perosotan PVC

PVC secara relatif tidak stabil terhadap haba, cahaya dan kestabilan termal yang rendah. PVC yang mengalami perosotan akan mempamerkan suatu warna perang kemerahan dan ia dipercayai akibat daripada pembentukan turutan poliena berkonjugat yang panjang akibat berlakunya penyahhidroklorinan pada suhu tinggi (**Ehrenstein, 2001**). Permulaan secara termal melibatkan kehilangan atom klorin yang bersebelahan dengan beberapa ketaknormalan struktur, sehingga akan mengurangi kestabilan ikatan C-Cl (ketaktepuan hujung). Radikal klorin yang terbentuk akan mengekstrakkan satu atom hidrogen bagi membentuk HCl dan rantai yang radikal yang terhasil kemudian bertindak balas bagi membentuk ketaktepuan rantai dengan penjanaan semula radikal klorin (**Bill Meyer, 1971**). Di bawah suhu 200⁰C gas yang terbentuk daripada perosotan PVC kebanyakan merupakan hidrogen klorida. Pada suhu yang lebih tinggi daripada 200⁰C, sedikit benzena dan hidrokarbon (alifatik, tak tepu dan aromatik) akan dibebaskan.

Ketidakstabilan PVC berpunca daripada kecacatan struktur dalam polimer yang akan bertindak sebagai tapak permulaan penyahhidroklorinan (**Jerzy, 1986**), seperti:

1. Kumpulan hujung rantai dengan kumpulan tak tepu atau baki pemula
2. Titik cabang dengan atom klorin tertier
3. Ikatan dubel dengan atom klorin
4. struktur pengoksidaan
5. Struktur kepala ke kepala

Perosotan PVC oleh termal dan cahaya secara umumnya akan menurunkan sifat-sifat fizik dan mekanik serta menyebabkan penyahwarna PVC. Oleh itu, penstabilan PVC adalah suatu perkara penting (**Nass**, 1976; **Marcilla** dan **Beltran**, 1996). Banyak penstabil telah dihasilkan untuk memperbaiki kestabilan polimer terhadap haba dan cahaya. Garam daripada logam plumbum, barium, stanum/kadmium telah digunakan. Garam-garam oksida dan hidroksida/asid lemak adalah yang paling berkesan sekali (**Bill Meyer**, 1971). Sebatian Ba/Cd/Zn adalah agak banyak digunakan kerana kesan sinergik di antara Ba-Cd dan Cd-Zn yang memberikan kesan penstabilan yang baik dengan amaun yang kecil digunakan (**Ishiaku et al.**, 1996; **Beltran et al.**, 1999).

Selain daripada penambahan bahan penstabil, pemplastik juga digunakan bersama seperti pemplastik epoksi yang dapat membantu menstabilkan resin. Pemplastik yang ideal mesti mempunyai tiga keperluan iaitu keserasian, prestasi dan kecekapan (**Marcilla & Beltran**, 1996; **Saethre & Gilbert**, 1996; **Thomas et al.**, 1986).

1. 5. 4 Pemplastik


Pemplastik merupakan cecair stabil yang mempunyai takat didih yang tinggi. Pemplastik dapat saling melarut dengan PVC, mempunyai sifat pemeruapan rendah, kestabilan haba dan cahaya adalah baik, sifat-sifat elektrik baik dan retensi bagi fleksibiliti pada suhu rendah. Pemplastik dapat mengurangkan daya intermolekul dan merendahkan suhu peralihan kaca polimer (**Mousa et al.**, 1998; **Ishiaku et al.**, 1999; **Semsarzadeh et al.**, 2002). Kehadiran pemplastik dalam polimer akan dapat meningkatkan fleksibiliti, kelembutan, pemanjangan, tetapi merendahkan kekuatan tensil. Di-oktil fetalat (DOP) yang digunakan dalam adunan poli(vinil klorida) baru/getah akrilonitril butadiena (PVCv/NBR) dan poli(vinil klorida) kitar semula/getah akrilonitril

butadiena (PVCr/NBR) adalah pemplastik primer, yang mempunyai daya larutan yang optimum pada suhu rendah dan rintangan pemeruapan yang baik.

1. 6 Getah Akrilonitril Butadiena (NBR)

1. 6. 1 Pengenalan

Ko-polimer getah akrilonitril butadiena telah mula disintesis pada tahun 1930 oleh I. G. Farbenindustrie di Jerman dan mula dihasilkan secara industri pada tahun 1971. Tinjauan terhadap getah nitril secara keseluruhan telah dilaporkan oleh Hofmann pada tahun 1963 (**Whelan** dan **Lee**, 1983). Getah akrilonitril butadiena adalah polimer butadiena dan akrilonitril yang mempunyai nisbah kedua-dua monomernya. Ia dapat disediakan dalam sistem emulsi. Oleh kerana nisbah kereaktifan monomer sangat berbeza, komposisi yang dimasukkan (bahan suapan) dan polimer juga berbeza. Fakta ini biasanya diambil kira dengan menyelaraskan komposisi monomer sewaktu pempolimeran bagi mencapai komposisi yang dikehendaki. Beberapa gred terdapat di pasaran iaitu berjulat antara 18% akrilonitril (ketahanan minyak yang sederhana) hingga 40% akrilonitril (sangat tahan terhadap minyak) (**Arlie**, 1992). Tindak balas secara kimia bagi penghasilan NBR ditunjukkan pada Rajah 1. 7 (**Arlie**, 1992; **Ismail** dan **Shah Hashim**, 1998).



Rajah 1. 7 : Tindak balas kimia bagi penghasilan NBR

1. 6. 2 Sifat-Sifat NBR

Kumpulan akrilonitril (ACN) yang berketub akan menunjukkan sifat-sifat berpolar pada struktur NBR. Ini telah menyebabkan NBR dapat memberikan rintangan terhadap minyak mineral, bahan bendalir dan gris (**Bloomfield**, 1982). Ini bermakna selepas ia direndamkan ke dalam minyak /gasolin, keterlarutannya didapati rendah, pembengkakan turut sedikit ataupun ia dapat disekat daripada bersentuhan dengan bahan yang tidak berpolar. Keadaan ini juga berlaku pada hidrokarbon aromatik tertentu kerana NBR hanya mempunyai rintangan terhadap bahan yang kandungan hidrokarbonnya tidak melebihi 50% (**Blackley**, 1983).

Pembengkakan NBR adalah lebih besar dalam pelarut berketub daripada pelarut tidak berketub, tetapi ia boleh digunakan bersentuhan dengan air dan larutan anti sejuk beku. Ketahanannya terhadap etilena glikol juga baik. NBR juga mempunyai rintangan yang sangat baik terhadap alkali dan asid. Getah ini kurang bingkas daripada getah asli. Ia mempunyai julat suhu penggunaan yang besar (-65-300⁰F) kerana sifatnya yang tahan panas. Kekuatan tegangannya dan ketahanan abrasinya juga baik.

Salah satu kekurangan NBR adalah rintangannya sangat lemah terhadap ozon dan cahaya matahari. Rintangan terhadap pelarut beroksigen yang rendah juga menunjukkan kelemahannya, tetapi jika dilindungi dengan baik oleh pengoksida akan menunjukkan ketahanan yang baik terhadap degradasi pengoksidaannya. Vulkanizat NBR menunjukkan kekuatan tensil yang lemah, rintangan cabikan yang rendah dan tiada penghabluran terikan. Penambahan pengisi pengukuh seperti hitam karbon amat diperlukan untuk memperbaiki sifat-sifat NBR (**Barlow Fred**, 1993; **Celina et al.**, 1998; **Budrugeac**, 1995).

Sifat-sifat NBR amat bergantung kepada kesan perubahan nisbah akrilonitril kepada butadiena. Nisbah monomer adalah penting untuk menghasilkan getah akrilonitril butadiena dan mempengaruhi sifat-sifat getah tersebut secara langsung. Apabila pembebanan akrilonitril dalam suatu getah akrilonitril butadiena meningkat, maka kepekatan, kebolehprosesan, kadar pemvulkanan, set kekal, rintangan minyak, kebolehcampuran dengan polimer berpolar, dan kehilangan histeristis akan meningkat, manakala resiliens, fleksibiliti pada suhu rendah, keterlarutan dalam cecair aromatik dan resapan gas pula berkurang (**Blackley**, 1983; **Bhowmick et al.**, 1994).

NBR boleh dikelaskan mengikut pembebanan akrilonitril dalam getah akrilonitril butadiena kepada 5 kelas utama, iaitu:

1. Rendah (18-24% ACN)
2. Sederhana rendah (26-28% ACN)
3. Sederhana (34% ACN)
4. Sederhana tinggi (38-40% ACN)
5. Tinggi (50% ACN)

1. 7 Adunan-Adunan Berasaskan PVC

1. 7. 1 Adunan Berasaskan PVC

Tujuan pengadunan PVC dengan polimer-polimer lain dilakukan ialah untuk meningkatkan sifat-sifat PVC disamping untuk memperbaiki dan meningkatkan sifat-sifat polimer lainnya. Berbagai jenis adunan yang didasarkan kepada PVC telah dikaji dan kebanyakannya membentuk adunan serasi dan separa serasi (**George et al.**,1986; **Varughese et al.**, 1989). Adunan yang melibatkan PVC banyak dihasilkan kerana sifat PVC yang baik terhadap rintangan kimia, murah, senang untuk diproses dan keupayaan untuk digabungkan dengan berbagai bahan tambah seperti pemplastik, pengubah suai hentaman, pengisi dan sebagainya (**Ishiaku & Mohd. Ishak, Z. A**, 1999; **Waveland**, 1973; **Miura et al.**, 2003).

1. 7. 2 Adunan PVC/PCI

Adunan PVC/PCI yang telah dikaji oleh **Minna (2003)** dan **Heuschen *et al.* (1990)**, menunjukkan adunan PVC/PCI mempunyai ketahanan terhadap degradasi panas. Penambahan PCI kepada PVC meningkatkan sifat suhu erotan haba dan adunannya dapat digunakan dalam bidang kesehatan. Penggunaan adunan jenis ini boleh didapati alat-alat permainan anak-anak, industri, dan pembungkus makanan.

1. 7. 3 Adunan PVC/PMMA

Adunan PVC/PMMA yang telah dikaji oleh **Manson (1976)**, mendapati bahawa adunan tersebut mempunyai sifat rintangan kimia yang baik. Penambahan PMMA terhadap PVC dapat meningkatkan sifat suhu erotan haba. Manakala kehadiran PVC dalam adunan tersebut akan meningkatkan sifat perencat nyalaan (**Perrin & Prud'homme, 1991**; **Havriliak & Williams, 1990**). Penggunaan adunan jenis ini boleh didapati dalam peralatan rumah, belakang kerusi, salur asap dan sebagainya (**Ultracki, 1995**).

1. 7. 4 Adunan PVC/ABS

Adunan ini telah dikaji menggunakan Brabender Plasticorder (**Zawawi, 1995**; **Khanna & Congdon, 1993**). Kesan parameter penyebatian seperti halaju rotor, suhu dan masa pencampuran telah diselidiki. Sifat tensil dan kajian morfologi adunan telah menunjukkan betapa pentingnya peranan parameter-parameter tersebut. Kehadiran pembolehserasi dalam adunan tersebut dapat memperbaiki sifat antara muka adunan walaupun dengan hanya penambahan 2% pembolehserasi. Dari hasil analisis FTIR menunjukkan bahawa ikatan hidrogen terlibat secara meluas dalam sistem PVC/ABS dengan kehadiran pembolehserasi.